

UM.G/PK/604/(1/2019)
11 Januari 2018

Dekan Fakulti/Institut
Pengarah Akademi/Pusat
Ketua Jabatan/Pengetua Kolej Kediaman

Tuan/Puan,

PELAKSANAAN PENGGUNAAN PORTAL E-PAY

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Bendahari dengan kerjasama Pusat Teknologi Maklumat (PTM) telah membangunkan Portal E-Pay iaitu medium terimaan hasil secara atas talian bagi menambahbaik pengurusan terimaan Universiti seterusnya menyokong hasrat mewujudkan persekitaran kampus tanpa tunai. Melalui portal E-Pay, pengguna kini boleh membuat bayaran kepada Universiti Malaya menggunakan kemudahan FPX atau kad kredit/debit, manakala bayaran yang diterima akan terus diagihkan kepada PTj/Fakulti/Jabatan sebaik sahaja transaksi berjaya dipindahkan ke akaun bank Universiti (*real time*).

3. Pemakaian portal E-Pay telah **DILULUSKAN** dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) pada 08 Januari 2019 untuk diselaraskan di semua PTj/Fakulti/Jabatan yang mempunyai aktiviti terimaan **berkuatkuasa mulai 15 Januari 2019**. Untuk makluman, taklimat berkaitan penggunaan portal E-Pay juga telah diberikan kepada pegawai yang menguruskan kutipan di PTj/Fakulti/Jabatan pada 12 Oktober 2018 dan 14 Disember 2018.

4. Sehubungan itu, kerjasama semua pihak adalah diminta untuk menyebarkan maklumat berkaitan kemudahan ini kepada seluruh warga kampus dan menguatkuasakan penggunaan portal E-Pay dalam urusan terimaan hasil di peringkat PTj/Fakulti/Jabatan masing-masing. Selaras dengan pemakaian portal E-Pay, Sistem Unity yang digunakan dalam urusan pengeluaran resit di peringkat PTj akan mula ditamatkan secara berperingkat.

5. Untuk makluman, portal E-Pay boleh diakses melalui <https://epay.um.edu.my>. Sekiranya tuan/puan mempunyai sebarang cadangan dan pertanyaan, sila berhubung dengan Puan Norhabibah Mohd Bukari atau Puan Hazarina Hamzah di talian 03-7967 7927/3466.

Sekian terima kasih.

Yang benar


WAN MOHD SOFI WAN MUSTAPHA
Pengawal Kewangan/Bendahari

s.k Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
Pendaftar
Ketua Pustakawan

JABATAN BENDAHARI

Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA

Pejabat Pengawal Kewangan 03-7967 3205 Faks 03-7956 8905, Pejabat Timbalan Bendahari I 03-7967 3268 Faks 03-7957 5567
Pejabat Timbalan Bendahari II 03-7967 3403 Faks 03-7967 3549, Bahagian Belanjawan & Kewangan Korporat 03-7967 3404 Faks 03-7957 5567
Bahagian Pengurusan Pembayaran & Kewangan Staf 03-7967 6588 Faks 03-7967 3549, Bahagian Perolehan 03-7967 4660 Faks 03-7967 4607
Bahagian Akaun & Pelaburan 03-7967 7731 Faks 03-7967 3542, Bahagian Pengurusan Kewangan Pelajar & Kolej 03-7967 3289 Faks 03-7967 3588
Bahagian Pengurusan Tunai 03-7967 3466 Faks 03-7957 5567, Bahagian Dasar & Sistem Kewangan 03-7967 3433 Faks 03-7967 3588
Bahagian Pengurusan Dana & Kawalan Kredit 03-7967 3271 Faks 03-7956 8905, Bahagian Pentadbiran & Perancangan Jabatan 03-7967 3270 Faks 03-7956 8905
Email: bendahari@um.edu.my, <http://www.um.edu.my>